

Headline	Kerjasama urus hutan bandar, paya di Labuan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	28 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,387
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,160



Kerjasama urus hutan bandar, paya di Labuan

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perbadanan Labuan (PL) memeterai memorandum persefahaman (MoU) di FRIM, Kepong pada Selasa lepas (26 September) untuk mewujudkan kerjasama dalam pengurusan hutan bandar dan hutan paya laut di Wilayah Persekutuan Labuan.



Menurut kenyataan bersama FRIM dan Perbadanan Labuan, kerjasama itu menjadikan Labuan sebagai sebuah wilayah persekutuan yang hijau, selamat, serta bestari dan dapat memanfaatkan kepakaran FRIM dalam aspek pemuliharaan kawasan hutan paya laut yang berpotensi dijadikan kawasan tarikan ekopelancongan.

"Dengan kerjasama ini, FRIM akan memberikan khidmat kepakaran

teknikal dalam aspek pengurusan hutan bandar dan aborikultur termasuk penyelenggaraan pokok-pokok ameniti, landskap dan pokok teduhan pinggir jalan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan media itu turut memaklumkan Perbadanan Labuan akan menambah baik aspek pengurusan dan penyelenggaraan Taman Botani Labuan iaitu antara taman botani tertua di Malaysia, selain menempatkan koleksi pelbagai tumbuh-tumbuhan, ia juga taman rekreasi bandaran dikunjungi pelawat.

Pada majlis itu Perbadanan Labuan diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Rithuan Mohd Ismail (**gambar**) manakala FRIM diwakili oleh Ketua Pengarahnya Dr Ismail Parlan.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Fadzilah Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr Norwati Muham-

mad, Pengarah Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM Dr Wan Mohd Shukri Wan Ahmad, Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar FRIM Ahmad Azaruddin Mohd Noor, Pengarah Pejabat Penasihat Undang-Undang Perbadanan Labuan Suhaimi Sainan dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbadanan Labuan Gilbert Chin.

Rithuan dalam ucapannya berkata melalui MoU tersebut, Perbadanan Labuan berharap FRIM dapat memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal berkenaan sistem pengurusan maklumat, data dan inventori pokok ameniti lebih efisien.

Mengenai Taman Botani Labuan, beliau berharap FRIM dapat memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal bagi menambah baik Taman Botani Labuan dari segi aspek pengurusan landskap dan koleksi penanaman.

Menurut kenyataan itu bagi men-

jayakan kerjasama FRIM dan Perbadanan Labuan, kedua-dua pihak telah mengadakan beberapa siri perbincangan, lawatan teknikal serta tinjauan tapak bagi mengenal pasti skop dan projek yang sesuai untuk dilaksanakan.

"Selain memberi peluang kepada FRIM untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di Labuan, kerjasama ini boleh memperkukuh kapasiti FRIM dalam bidang pengurusan hutan bandar dan hutan paya laut khususnya Kinabenuwa," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu dalam usaha meningkatkan kompetensi dan kemahiran sumber manusia di Perbadanan Labuan, kerjasama ini juga akan melibatkan penganjuran program-program latihan, kursus dan bengkel terutama dalam bidang pengurusan pokok bandar, aborikultur dan penyelenggaraan landskap. - Bernama